

EKONOMI: KITA SEDIA K-SAMA DENGAN NEW GUINEA

PELABUHAN MORESBY (Papua New Guinea), Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir malam ini menyatakan kesediaan Malaysia untuk menyertai beberapa rancangan ekonomi dan teknik yang praktikal dengan Papua New Guinea.

Katanya, tidak dapat dinafikan adanya potensi yang banyak bagi kedua negara untuk bekerjasama serta mencari beberapa bidang kerjasama bagi faedah bersama.

"Anda adalah rakan kami dan kami berharap untuk dapat berkongsi kemahiran dan pengetahuan dengan anda," tambahnya di majlis makan malam yang diberikan oleh rakan sejawatnya di New Guinea. Encik Micheal Somare di kediaman para pegawai pertahanan di Berek Murray di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah memperoleh pengalaman dan kepakaran dalam beberapa bidang pembangunan termasuk penyelidikan pertanian untuk meningkatkan pengeluaran, kemajuan tanah serta pengurusan pekebun kecil dan ladang.

Beliau percaya sebahagian daripada pengalaman itu adalah sesuai dengan kehendak Papua New Guinea.

Diplomatik

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa Malaysia memegang sepenuhnya konsep kerjasama ekonomi dan teknik di kalangan negara membangun.

Penubuhan perwakilan diplomatik Malaysia di bandaraya ini awal tahun ini adalah satu tanda menunjukkan kepentingan perkara itu dan keinginan bagi meningkatkan kerjasama dua hala.

Datuk Seri Dr. Mahathir yakin persepahaman dan muhibah

yang timbul dari hubungan dan kerjasama antara rakyat kedua negara akan memperkukuhkan lagi persahabatan Malaysia-Papua New Guinea.

"Sesungguhnya kita mempunyai pandangan dan aspirasi yang sama dalam beberapa cabaran pembangunan nasional serta menjaga kepentingan diri sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia, seperti Papua New Guinea, selaku pengeluar bahan utama tidak berpuas hati dengan eksploitasi harga barangan tersebut di beberapa pasaran negara-negara maju.

Pandangan yang ringan juga diberikan kepada negara pengeluar dan untuk menjamin harga yang berpatutan, beliau menggesa supaya sistem yang tidak sihat dihapuskan.

Mengenai isu Kam-puchea, Datuk Seri Dr. Mahathir menghargai sokongan dan per-

sepahaman yang ditunjukkan oleh Papua New Guinea sambil menambah bahawa Malaysia berharap keamanan, kebebasan dan maruah dapat dikembalikan kepada rakyat Kam-puchea.

Katanya, bagi Malaysia, masalah Kam-puchea yang tidak diselesaikan itu adalah satu masalah serius kerana ia adalah satu an-

caman kepada keamanan dan keselamatan serantau dan menggalakkan persaingan kuasa besar di sana.

Beliau mengulangi bahawa masalah Kam-puchea menghalang usaha ASEAN menjadikar rantau Asia Tenggara sebagai kawasan aman bebas dan berkecuali. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia